

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Perdagangan 3755/2 mengandungi enam soalan esei. Calon dikehendaki menjawab empat daripada enam soalan, dimana soalan enam adalah berbentuk kajian kes. Semua soalan mengandungi tiga ceraiian atau pecahan iaitu ceraiian a, ceraiian b, dan ceraiian c.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, prestasi calon bertambah baik. Kebanyakan calon berjaya menjawab sekurang-kurangnya satu ceraiian dengan baik. Calon dapat menguasai soalan aras satu dengan baiknya. Calon masih kurang berkemahiran untuk menjawab soalan aras dua dan tiga (aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian). Secara keseluruhannya, calon memahami tugas asas soalan, tetapi sebaliknya tidak mampu memberi jawapan dengan tepat. Calon dapat memberi fakta yang berkaitan tetapi huraianya kurang jelas. Kelemahan yang ketara ialah calon tidak dapat menjawab soalan yang berbentuk aplikasi dan berunsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif [KBKK].

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Bilangan calon yang mendapat markah tinggi adalah kecil. Calon memahami kehendak soalan serta mempunyai penguasaan konsep asas yang baik. Persembahan jawapan menarik dan tersusun. Calon dapat mengaitkan fakta perdagangan dengan tugas soalan, memberi fakta dengan huraian yang jelas serta menjawab soalan yang memerlukan jawapan yang spesifik. Walau bagaimanapun soalan enam bukan pilihan kumpulan ini.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Bilangan calon dalam kumpulan ini adalah tinggi. Calon dalam kumpulan ini dapat menjawab soalan aras kefahaman (aras satu) untuk kebanyakan soalan. Walau bagaimana pun, ketepatan jawapan hanya pada sebahagian ceraiian soalan sahaja. Bagi ceraiian soalan aras sederhana dan sukar, calon tidak dapat memberi jawapan yang baik. Calon dalam kumpulan ini tidak dapat menguasai soalan membuat keputusan dan soalan KBKK yang tinggi. Calon juga sering mengulangi fakta yang sama.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Kebanyakan calon menjawab empat soalan tetapi markah yang diperolehi hanya pada satu ceraiian soalan sahaja. Contoh: Soalan 1 – calon hanya boleh menjawab ceraiian 1c sahaja. Masih terdapat calon yang tidak memperolehi markah langsung. Segelintir calon boleh menjawab dan menguasai soalan berbentuk pengetahuan asas sahaja. Mereka tidak dapat mengingati fakta dan memahami konsep. Segelintir calon tidak boleh menguasai Bahasa Malaysia dengan baik. Calon ini terdiri daripada calon yang sangat lemah.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1(a)

Sesuatu keluaran mempunyai nilai faedah jika memberi kepuasan kepada pengguna. Huraikan dua jenis nilai faedah tersebut.

Calon cemerlang dapat menyenaraikan jenis nilai faedah dengan huraian dan contoh yang tepat dan berjaya mendapat markah maksima. Calon yang lemah hanya dapat menyatakan fakta sahaja tanpa huraian atau ilustrasi. Calon mengemukakan konsep yang salah. Contoh; nilai faedah ditafsirkan sebagai keperluan dan kehendak, atau kepuasan individu, atau faedah penggunaan barang dan perkhidmatan kepada pengguna.

Calon diminta untuk menghuraikan dua jenis nilai faedah daripada empat nilai faedah yang dipelajari. Mana-mana dua jenis nilai faedah yang dikemukakan diterima. Calon hendaklah menyatakan fakta dan seterusnya menghuraikan fakta, lengkap dengan contoh atau ilustrasi.

Soalan1(b)

Terangkan kelebihan mengamalkan pengkhususan dalam pengeluaran.

Calon yang cemerlang dapat mengenalpasti dengan tepat kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran serta memberi keterangan pengkhususan yang tepat dalam konteks pengeluaran atau pengeluar. Calon yang lemah sentiasa mengulang fakta yang sama seperti pekerja yang mahir, pekerja cekap, kerja yang sama diulang dan kualiti meningkat. Terdapat juga calon yang mengemukakan fakta secara umum seperti menjimat masa dan tidak perlu menggunakan mesin yang banyak.

Calon juga gagal mengemukakan 'fakta kos latihan dijimatkan' dan 'pekerja dilatih dalam bidang tertentu'. Terdapat juga calon yang menyatakan fakta 'peningkatan daya saing'. Calon menghuraikan jenis pengkhususan seperti pengkhususan mengikut perkerjaan, mengikut proses, mengikut kawasan, dan antarabangsa. Calon juga mengaitkan pengkhususan dengan pengeluaran langsung dan tidak langsung. Terdapat juga calon yang mengkaitkan pengkhususan dengan peningkatan kreativiti atau harga jualan yang murah dan yang seterusnya akan meningkatkan permintaan. Calon diminta menerangkan kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran. Jawapan calon hendaklah meliputi pernyataan fakta dan diikuti dengan huraian. Contohnya: kecekapan dan kemahiran pekerja meningkat, sebab melakukan kerja yang sama setiap hari.

Soalan 1(c)

Bagaimanakah bank boleh membantu seseorang peniaga dalam melancarkan aktiviti perniagaannya?

Calon cemerlang dapat menjelaskan kemudahan yang disediakan oleh bank kepada peniaga dengan keterangan dan contoh yang tepat.

Calon yang lemah hanya mampu menyenaraikan kemudahan sahaja, iaitu simpanan dan pinjaman atau overdraf. Calon juga sering mengulang fakta dan gagal mengemukakan fakta seperti pertukaran wang asing, surat kredit dan pemfaktoran.

Huraian tidak relevan dengan kehendak soalan. Contohnya: mengaitkan bank dengan bantuan perniagaan yang lain seperti insurans. Terdapat juga calon menghuraikan cara atau syarat mendapatkan pinjaman. Calon diperlukan menerangkan perkhidmatan bank yang boleh membantu seorang peniaga dalam perniagaannya. Jawapan calon hendaklah menjurus kepada jenis perkhidmatan yang ditawarkan seperti kemudahan pembiayaan pinjaman atau overdraf, kemudahan penerimaan dan pembayaran seperti cek serta perkhidmatan lain yang boleh membantu peniaga.

Soalan 2(a)

Terangkan dua jenis dokumen penghantaran yang terlibat dalam mengeksport barang ke luar negeri.

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan baik. Calon yang cemerlang dapat menyatakan serta menghuraikan dua jenis dokumen penghantaran sahaja, bil muatan dan bil udara. Calon ini memperoleh markah penuh.

Calon lemah tidak dapat menerangkan dokumen seperti arahan perkapalan, nota perkapalan, dan pemberitahu panggil datang. Calon hanya mampu menyatakan fakta bil muatan dan bil udara tanpa huraian. Calon tidak dapat mengkategorikan dokumen penghantaran, dokumen perniagaan, dan dokumen pembayaran. Sijil asal usul, inden, invois konsular, dianggap sebagai dokumen penghantaran. Calon dikehendaki menerangkan dua daripada lima jenis dokumen penghantaran. Setiap satu dokumen hanya memerlukan dua huraian sahaja.

Soalan 2(b)

En. Amin sedang berada di Pulau Pinang dan beliau mahu mengadakan mesyuarat tergepar secara serentak dengan beberapa Ahli lembaga Pengarahnya yang berada di Johor Bahru. Jelaskan perkhidmatan komunikasi yang boleh digunakan oleh En. Amin bagi memenuhi tujuan tersebut.

Kebanyakan calon menjawab dengan baik.

Calon yang cemerlang dapat menyatakan alat komunikasi sidang video atau video conferencing dengan alasan yang tepat. Calon berjaya mendapat hampir markah maksima. Kelemahan calon ialah :-

- i. dapat menyatakan video conferencing tetapi tidak menghuraikannya atau huraian yang salah.
- ii. tidak dapat menyatakan istilah video conferencing tetapi huraianya menepati video conferencing.

Calon tidak pasti perkhidmatan komunikasi yang sesuai. Calon memberi pelbagai jawapan alternatif secara serentak dan bercanggah dengan kehendak soalan.

Contoh; telefon, telefon bimbit, telefex, tele-conferencing....

Calon dikehendaki menjelaskan satu perkhidmatan komunikasi yang boleh digunakan oleh Encik Amin, sesuai dengan senario rangsangan soalan iaitu mengadakan mesyuarat tergepar secara serentak dengan beberapa Ahli Lembaga Pengarahnya yang berada di tempat yang berasingan.

Jawapan calon hendaklah spesifik - iaitu video-conferencing dan seterusnya menghuraikan ciri-ciri dan kelebihanannya. Contoh - boleh berinteraksi secara visual melalui audio secara langsung.

Soalan 2(c)

Selain menjamin aktiviti pengeluaran berterusan, terangkan peranan pergudangan kepada perniagaan.

Pada keseluruhannya calon berjaya menjawab soalan dengan baik dan mendapat markah yang tinggi. Calon yang cemerlang dapat mengemukakan fakta dan huraian peranan pergudangan dengan jelas dan tepat. Calon dapat mengulas setiap peranan secara tersusun.

Kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- i. kekurangan fakta.
- ii. tidak menghuraikan fakta.
- iii. sering mengulangi fakta yang sama.
- iv. huraian yang umum, tidak tersusun dan kurang jelas. Contoh – gudang sebagai tempat menyimpan barang tanpa sokongan yang kukuh atau spesifik.

Calon tidak akur dengan kehendak soalan. Calon menyatakan peranan pergudangan kepada pengguna seperti pengguna boleh mendapatkan barang sepanjang tahun. Terdapat juga calon yang memberikan jenis gudang seperti gudang pemborong, gudang peruncit dan sebagainya. Calon dikehendaki menerangkan peranan pergudangan kepada perniagaan. Calon perlu memberikan enam fakta berserta huraian. Contohnya:- gudang membolehkan kerja akhir dan pemecahan pukal dilakukan seperti kerja penggredan, penyukatan dan penjenamaan.

Soalan 3 (a)

Huraikan sifat kreatif dan inovatif yang mendorong kejayaan seseorang usahawan.

Keseluruhannya calon dapat menjawab dengan baik. Terdapat calon yang memperolehi markah maksima. Calon cemerlang dapat menghuraikan sifat kreatif dan inovatif secara berasingan. Jawapannya menepati kehendak tugasan soalan.

Kelemahan calon ialah mencampuradukkan huraian konsep kreatif dan inovatif. Calon juga tidak dapat menghuraikan kesan kreatif dan inovatif yang mendorong kejayaan seseorang usahawan. Calon menghuraikan konsep yang salah, iaitu mendefinisikan kreatif sebagai usaha mengubahsuai dan inovatif sebagai usaha mencipta. Calon menerangkan ciri-ciri usahawan yang lain, seperti berani menanggung risiko, rajin dan bertanggungjawab. Calon dikehendaki memberikan definisi kreatif dan inovatif serta kesan sifat tersebut yang mendorong kejayaan usahawan.

Kehendak jawapan

Kreatif ialah mencipta keluaran baru untuk memenuhi keperluan pengguna. Manakala definisi inovatif ialah mengubahsuai barangan sedia ada supaya menjadi lebih baik. Jawapan calon juga mestilah meliputi kesan kreatif, seperti dapat bersaing dipasaran dan kesan inovatif seperti usahawan akan menguasai pasaran.

Soalan 3 (b)

Terangkan tanggungjawab peniaga terhadap pekerjaanya.

Prestasi calon bagi soalan ini baik.

Calon yang cemerlang dapat menerangkan tanggungjawab peniaga kepada pekerja dengan memberi fakta serta huraian yang jelas termasuk contoh berdasarkan isu semasa. Contoh – menjaga keselamatan pekerja seperti memberikan perlindungan insurans.

Kelemahan calon ialah terlalu menumpukan kepada contoh dan huraian tanpa memberikan perhatian kepada fakta. Contohnya sentiasa mengulangi huraian kebajikan seperti cuti, tempat tinggal, pengangkutan dan perubatan. Calon juga gagal mengemukakan fakta dan huraian yang cukup seperti dikehendaki soalan. Terdapat juga jawapan calon yang bercampuraduk antara huraian dan fakta. Contohnya menjaga kebajikan pekerja dengan memberikan bonus. Calon tidak menerangkan tanggungjawab peniaga kepada pekerja tetapi menerangkan tanggungjawab peniaga kepada pelanggannya. Contohnya pekerja hendaklah melayan pelanggan dengan baik. Calon diminta untuk menerangkan tanggungjawab peniaga terhadap pekerjaanya. Jawapan yang diperlukan ialah fakta bersama huraian yang jelas. Contohnya: memberi ganjaran yang setimpal seperti gaji, elaun dan bonus.

Soalan 3(c)

Mengapakah peniaga perlu menyediakan rancangan perniagaan?

Calon tidak dapat menjawab soalan dengan baik.

Kekuatan calon ialah memberikan fakta dan huraian dengan lengkap dan tepat bersesuaian dengan kehendak soalan. Contohnya:- Peniaga yang menyediakan rancangan perniagaan dapat menggunakannya sebagai garis panduan tindakan kerana mempunyai objektif dan langkah yang perlu dijalankan.

Kelemahan calon ialah memberikan jawapan secara umum dan tidak jelas. Kebanyakan calon hanya dapat memberikan fakta garis panduan sahaja. Terdapat juga huraian yang berulang seperti mencapai keuntungan, perniagaan berjalan lancar atau pasaran berkembang.

Terdapat beberapa kesilapan yang dilakukan oleh calon. Antaranya ialah:-

calon menerangkan faktor pemilihan lokasi perniagaan. Contohnya tempat yang strategik menjadikan perniagaan mendapat keuntungan. calon menerangkan faktor memulakan perniagaan. Contohnya modal yang cukup membolehkan perniagaan berjalan lancar. Calon menjawab mengenai strategi pemasaran. Contohnya menjalankan promosi untuk mendapatkan keuntungan. Calon memberikan isi kandungan yang ada dalam rancangan perniagaan. Contohnya objektif perniagaan dan langkah yang akan dijalankan dalam perniagaan.

Calon dikehendaki menerangkan sebab peniaga perlu menyediakan rancangan perniagaan sebelum menjalankan perniagaan. Jawapan calon hendaklah memberikan fakta dan huraian yang jelas mengapa rancangan perniagaan perlu disediakan. Contohnya ialah untuk memudahkan kawalan dengan cara mengawal perniagaan melalui belanjawan dan memberi nasihat kepada pekerja.

Soalan 4 (a)

Terangkan peranan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dalam penyaluran dan pengumpulan modal.

Pada keseluruhannya calon tidak dapat menjawab dengan baik.

Kekuatan yang ada pada calon ialah setakat memberikan dua fakta berserta dengan huraian iaitu tempat menyenaraikan syer dan tempat urusniaga syer.

Kelemahan calon ialah kekurangan fakta dan tidak dapat menggambarkan konsep penyaluran dan pengumpulan modal. Kebanyakan calon menganggap Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebagai tempat mendapatkan modal bagi syarikat berhad. Ada juga yang menyatakan bahawa BSKL ialah tempat menerbitkan syer baru atau memberi dividen. Calon juga mengulangi teks soalan. Calon dikehendaki menerangkan peranan BSKL dalam hal penyaluran dan pengumpulan modal. Calon hendaklah memberikan fakta dan huraian yang spesifik. Contohnya BSKL membantu dalam pengumpulan modal dari orang ramai dan bagaimana pengumpulan modal ini membantu membangunkan negara.

Soalan 4 (b)

Huraikan empat kepentingan industri desa dalam pembangunan ekonomi negara.

Prestasi calon untuk soalan ini amat memuaskan.

Calon dapat menjawab dengan tepat dan menggambarkan peranan industri desa dalam pembangunan negara.

Kelemahan calon ialah memberi jawapan secara umum berdasarkan pengetahuan am atau pemerhatian sahaja. Contohnya penduduk kampung menjalankan kerja untuk memenuhi masa lapang. Terdapat juga huraian yang berulang. Contohnya 'penduduk tidak lagi berhijrah ke bandar menyebabkan kurangnya pengangguran.'

Calon memberi definasi, ciri-ciri, jenis keluaran industri desa dan menganggap industri desa sebagai industri ekstraktif. Calon juga memberikan konsep yang salah iaitu hasil pertanian, perikanan dan penternakan sebagai hasil industri desa.

Calon diminta untuk menghuraikan empat kepentingan industri desa dalam pembangunan ekonomi negara. Jawapan yang diperlukan ialah setiap fakta disokong oleh huraian. Contohnya - kepentingan industri desa dapat memperluaskan penggunaan sumber setempat. Ini akan menggalakkan penduduk setempat menggunakan bahan mentah setempat seperti buluh, rotan, tanah liat dalam menghasilkan keluaran industri desa.

Soalan 4 (c)

Pn. Sutinah telah membeli alat menurunkan berat badan yang berharga RM700 daripada seorang wanita jurujual yang datang ke rumahnya. Walau bagaimanapun alat tersebut didapati tiruan dan rosak selepas seminggu digunakan. Berdasarkan situasi di atas, bagaimanakah hak Pn. Sutinah dapat dilindungi?

Prestasi calon kurang memuaskan.

Calon cemerlang dapat menerangkan fungsi persatuan pengguna berdasarkan pengetahuan umum dan dari sudut pengguna. Contohnya ialah persatuan pengguna menerima aduan dan membuat siasatan.

Kelemahan calon ialah gagal memberikan fakta berkaitan dengan bantuan yang boleh diberikan oleh kerajaan. Calon hanya memberi pandangan dari sudut pengguna - contohnya Pn. Sutinah boleh membuat aduan, meminta gantirugi dan mendakwa peniaga.

Calon memberikan jawapan yang tidak bersesuaian dengan kes. Contohnya 'membuat aduan kepada pihak polis'. Calon juga tidak dapat menyatakan akta secara spesifik dan tidak merujuk kepada situasi seperti dalam teks soalan. Contohnya Akta Kawalan Harga, Akta Gantirugi yang tiada kaitan dengan soalan. Ada juga calon memberikan jawapan yang berkaitan dengan hak pengguna.

Calon diminta menerangkan cara Pn. Sutinah dapat dilindungi daripada ditipu oleh peniaga jualan langsung.

Calon perlu menyatakan dan menerangkan peranan persatuan pengguna dan kerajaan dalam membantu Pn. Sutinah. Contoh - persatuan pengguna membantu dalam hal tuntutan gantirugi; kerajaan membantu melalui penggubalan akta yang berkaitan.

Soalan 5 (a)

Dalam aktiviti pemborongan terdapat beberapa jenis ejen.

Jelaskan jenis-jenis ejen tersebut.

Prestasi calon secara keseluruhannya kurang memuaskan.

Calon cemerlang dapat menyenaraikan jenis ejen dengan tepat dan memberi huraian yang ringkas. Contohnya - ejen penjual dibayar komisen bagi barang yang dijual.

Kelemahan calon ialah tidak dapat memberikan huraian yang mendalam terhadap ejen yang disebutkan. Calon tidak dapat membezakan antara jenis ejen pengeluar, ejen penjual, dan broker. Calon keliru dengan jenis pemborong. Contohnya ialah ejen del credere, pemborong saudagar, pemborong bayar dan bawa dan sebagainya.

Calon juga menyenaraikan semua jenis ejen secara umum. Calon tidak menghadkan jawapan kepada ejen yang terlibat dalam aktiviti pemborongan. Contohnya ejen insurans, ejen hartanah dan ejen saham. Terdapat juga calon yang menyatakan ejen sebagai pengeluar, pemborong dan peruncit.

Calon diminta menerangkan jenis ejen yang terlibat dalam aktiviti pemborongan.

Jawapan yang dikehendaki ialah menyatakan tiga jenis ejen iaitu ejen penjual, ejen pengeluar dan broker serta huraian yang berkaitan dengan ejen tersebut.

Soalan 5 (b)

Terangkan masalah yang akan dihadapi oleh seseorang peruncit sekiranya pemborong tidak wujud.

Prestasi calon sangat baik kerana kebanyakan calon berjaya mendapat markah maksima. Calon dapat menyenaraikan semua masalah yang dihadapi oleh peruncit sekiranya tiada pemborong.

Kelemahan calon ialah menjawab secara negatif dan tidak akur dengan tugas soalan. Contohnya - peruncit menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pelbagai jenis barangan

Calon mengandaikan peruncit tidak dapat menjalankan aktiviti perniagaan tanpa pemborong. Contohnya peruncit tidak akan mendapat stok untuk urusniaga.

Calon juga membincangkan masalah peruncit dan pengguna tanpa merujuk kepada soalan. Contohnya ialah pengguna tidak dapat menikmati pelbagai jenis barang tanpa pemborong. Calon dikehendaki menerangkan masalah yang dihadapi oleh seseorang peruncit sekiranya pemborong tidak wujud. Jawapan yang diperlukan ialah menerangkan masalah peruncit seperti perlu menyediakan modal yang besar untuk membayar secara tunai, perlu menyediakan gudang untuk menyimpan barang yang dibeli secara pukal dan perlu mengumpul maklumat pasaran untuk mengetahui citarasa pengguna.

Soalan 5 (c)

Syarikat Alif, sebuah syarikat bermodal sederhana mengeluarkan barangan plastik untuk dipasarkan ke seluruh Malaysia. Syarikat Alif telah memilih menggunakan saluran agihan tersebut:

PENGELUAR ----- PEMBORONG ----- PERUNCIT ----- PENGGUNA

Mengapakah Syarikat Alif memilih jenis agihan tersebut.

Prestasi calon untuk soalan ini memuaskan. Kekuatan calon ialah dapat mengaitkan kesesuaian barang keluaran dengan jenis saluran agihan. Contohnya calon menerangkan saluran agihan ini digunakan kerana jenis barang tahan lama iaitu barangan plastik.

Kelemahan calon ialah tidak memahami kedudukan Syarikat Alif dalam saluran agihan. Calon tidak faham mengapa saluran agihan tersebut digunakan untuk memasarkan barang plastik. Contohnya, Syarikat Alif membeli barang plastik untuk dijual kepada peruncit atau pengguna.

Calon lebih menerangkan jenis saluran agihan tanpa memberi perhatian kepada stimulus serta tugas soalan, iaitu mengapa saluran agihan itu menjadi pilihan. Contohnya calon menerangkan peranan pengeluar, pemborong, peruncit dan pengguna.

Calon diminta untuk menerangkan mengapakah Syarikat Alif memilih saluran agihan...*PENGELUAR---PEMBORONG---PERUNCIT---PENGGUNA* dalam memasarkan barangan plastiknya ke seluruh Malaysia.

Calon perlu menghuraikan sebab pemilihan saluran agihan tersebut. Jawapan perlu meliputi aspek sasaran pasaran, liputan pasaran, modal sederhana, penjimatan kos pengangkutan, jenis barangan dan penguasaan pasaran.

Soalan 6 (KAJIAN KES)

Soalan 6(a)

Syorkan kemudahan pembayaran yang sesuai digunakan oleh Syarikat Quality Design untuk mengatasi rungutan pekerja-pekerjanya dan pihak insurans.

Prestasi calon adalah kurang memuaskan.

Kekuatan calon ialah dapat menjawab perintah sedia ada dan pindahan kredit dengan penjelasan yang tepat. Kelemahan calon ialah menganggap kedua-dua jenis pembayaran iaitu kepada pekerja dan syarikat insurans boleh menggunakan jenis perkhidmatan yang sama. Calon menyatakan fakta tanpa dikaitkan dengan tujuan. Contohnya hanya menyatakan kemudahan perintah sedia ada dan pindahan kredit tanpa memberikan kegunaannya. Terdapat juga calon menyatakan jenis pembayaran dengan tepat tetapi tidak dapat menghuraikannya.

Calon melakukan beberapa kesilapan semasa menjawab soalan ini. Antaranya ialah:-

- i. memberi jawapan membayar secara tunai atau menggunakan cek.
- ii. memberikan fakta dan huraian yang salah. Contohnya menggunakan perkhidmatan debit terus.
- iii. calon kurang pasti untuk menggunakan kemudahan perintah sedia ada atau pindahan kredit.
- iv. calon tidak mengasingkan huraian pembayaran gaji dengan pembayaran premium insurans.

Calon diminta mencadangkan kemudahan pembayaran yang sesuai untuk membayar gaji pekerja dan premium insurans. Jawapan yang diperlukan ialah:-

- i. membayar premium insurans menggunakan kemudahan perintah sedia ada.
- ii. membayar gaji pekerja menggunakan kemudahan pindahan kredit.

Calon juga perlu memberikan alasan menggunakan kemudahan tersebut.

Soalan 6 (b)

Mengapakah syarikat insurans enggan memenuhi tuntutan Dato' Salleh?

Prestasi calon adalah kurang memuaskan. Calon yang baik dapat menerangkan sebab syarikat insurans enggan memenuhi tuntutan Dato' Salleh. Calon dapat membezakan antara insurans liabiliti awam dan insurans pihak ketiga. Kelemahannya ialah calon tidak dapat menjelaskan secara tersusun mengapa syarikat insurans tidak melayan tuntutan Dato' Salleh. Calon juga tidak boleh mengaitkan kehendak soalan dengan jenis polisi insurans yang dibeli oleh Dato' Salleh.

Terdapat juga calon yang menyatakan tuntutan tidak dibayar kerana lambat membayar premium insurans. Calon merujuk kepada prinsip insurans dan tidak kepada jenis insurans yang dikuatkuasakan sebagai punca tuntutan. Contoh: tidak rujuk kepada konsep Doktrin Punca Terdekat. Calon hendaklah menerangkan sebab syarikat insurans menolak tuntutan Dato' Salleh keatas kemalangan yang menyebabkan dua orang pekerjaanya cedera, lorinya remuk dan perabot yang dibawa rosak. Jawapan yang dikehendaki adalah mengaitkan jenis insurans dengan tuntutan diatas. Contohnya ialah syarikat tidak mengambil polisi insurans yang melindungi pekerjaanya dari kemalangan kerana syarikat mengambil polisi liabiliti awam yang melindungi pihak ketiga sahaja.

Soalan 6 (c)

Adakah keputusan Dato' Salleh menghantar perabot ke Britain dengan kapal kargo tepat? Kemukakan alasan anda.

Prestasi calon kurang memuaskan. Kekuatan calon ialah dapat mempertimbangkan tindakan seperti dalam soalan secara rasional. Contoh - dapat memberikan alasan yang jelas tidak menghantar perabot ke Britain dengan menggunakan kapal kargo, berserta dengan alasan yang munasabah. Kelemahan calon, ialah memberi keputusan yang salah tetapi alasan betul. Contohnya, keputusan Dato' Salleh menghantar perabot ke Britain dengan 'kapal kargo adalah tepat' kerana jaraknya yang jauh antara Malaysia dengan Britain. Calon gagal mengemukakan fakta 'menjamin kualiti' perabot kerana boleh dimasukkan ke dalam kontena. Calon tidak membuat keputusan yang 'TEPAT' iaitu memilih kapal kargo. Calon juga memberikan alternatif lain seperti kapal terbang, kapal kontena,

dan kapal kerentan. Calon dikehendaki membuat keputusan samada penghantaran perabot ke Britain dengan kapal kargo adalah tepat. Calon juga diminta untuk memberikan alasan keatas keputusan yang dibuat. Jawapan yang dikehendaki ialah penghantaran perabot ke Britain dengan kapal kargo adalah 'tidak tepat'. Calon hendaklah memberikan alasan yang munasabah. Contohnya: kapal kargo berisiko tinggi kerana banyak kerja punggah memunggah.

SARANAN KEPADA CALON

1. Tingkatkan penguasaan konsep - elak daripada memahami sudut tertentu sahaja - perlu memahami secara keseluruhan.
2. Jawapan hendaklah berfokus pada tajuk dalam sukatan pelajaran dan bukan secara umum.
3. Kenal pasti kehendak atau tugas soalannya terlebih dahulu sebelum cuba menjawab soalnya.
4. Rangkakan jawapan terlebih dahulu-susun atur yang kemas membolehkan gambaran jawapan lebih jelas.
5. Gunakan peruntukkan markah dalam soalnya sebagai panduan merangka kepadatan soalnya. Bilangan isi yang diperlukan; seperti huraian, ilustrasi atau contoh diperlukan.
6. Calon perlu meningkatkan kemahiran pemerhatian terhadap amalan perniagaan terkini.
7. Calon perlu membaca dan menguasai semua tajuk kerana soalnya merangkumi semua tajuk dalam sukatan. Calon perlu mengingati fakta penting untuk setiap tajuk.
8. Latihan tubi topik dan latihan simulasi soalnya Sijil Pelajaran Malaysia yang lalu hendaklah sentiasa dilakukan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Tumpukan kepada latihan menjawab soalnya yang berunsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
2. Calon perlu didedahkan kepada konsep yang tepat dan memastikan calon benar-benar memahami konsep asas perdagangan.
3. Calon perlu diasuh untuk memberi jawapan secara teratur: fakta, penerangan dan contoh.
4. Memahami objektif sukatan mata pelajaran serta menghayati huraian sukatan mata pelajaran - khususnya hasil pembelajaran yang ditetapkan bagi setiap bidang pembelajaran.
5. Guru dikehendaki menghabiskan sukatan pelajaran lebih awal supaya lebih banyak latihan dapat diberikan kepada calon.
6. Calon dibawa ke dunia perniagaan yang sebenar seperti membuat lawatan untuk pendedahan secara 'hands-on'.